



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA
KEBANGSAAN 2025**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN SERI SIANTAN, KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA
| 3 DISEMBER 2025 (RABU) | 8.00 MALAM**

Kemas kini 1 Disember 2025

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI dan

Salam KASIH Keluarga.

SALUTASI - (Lampiran disediakan)

PEMBUKAAN & PENGHARGAAN

1. **Alhamdulillah**, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat berkumpul pada malam yang penuh bermakna ini untuk **Majlis Perasmian Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Kebangsaan 2025**. Kehadiran semua pihak memberi makna besar kepada usaha kita memperkukuh agenda inklusiviti dan kebajikan golongan OKU.

2. Tanggal 3 Disember merupakan detik penting bagi komuniti OKU, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat global. Pada tarikh inilah seluruh dunia memperingati Hari Orang Kurang Upaya atau ringkasnya Hari OKU, sebagai simbol penghormatan dan pengiktirafan terhadap sumbangan serta perjuangan komuniti istimewa ini.

3. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua yang hadir serta seluruh warga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang telah menjayakan majlis ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada **Perbadanan Putrajaya** dan **AGROBANK** atas kerjasama untuk menjayakan majlis ini serta sokongan berterusan kepada agenda pemerkasaan OKU.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

TEMA – MASYARAKAT INKLUSIF OKU, KUNCI KEMAJUAN SOSIAL

4. Tema sambutan tahun ini, “**Masyarakat Inklusif OKU, Kunci Kemajuan Sosial**”, membawa mesej yang amat jelas. Kemajuan sebenar sesebuah negara tidak diukur berdasarkan pencapaian ekonomi atau kecanggihan infrastrukturnya sahaja, tetapi sejauh mana setiap warganya — termasuk komuniti OKU — dihormati, diterima dan diberikan peluang yang saksama untuk menyumbang.

5. Ramai dalam kalangan komuniti OKU memiliki bakat dan potensi luar biasa. Izinkan saya berkongsi kisah Siti, **seorang OKU anggota yang kehilangan kedua-dua tangannya ketika remaja.** Dengan sokongan keluarga, guru dan komuniti, beliau belajar menulis dan melukis menggunakan kaki, sesuatu yang menuntut ketabahan dan disiplin yang tinggi.

6. Hari ini, beliau bukan sahaja seorang **pelukis yang dihormati dalam arena seni negara, malah turut membimbing ramai orang anak muda OKU** yang ingin mengembangkan bakat mereka. Kisah beliau membuktikan bahawa kekurangan fizikal bukanlah halangan untuk berjaya, sebaliknya menjadi sumber kekuatan dan inspirasi kepada seluruh masyarakat.

7. Setiap warga OKU memiliki kisah mereka sendiri yang mampu memberi motivasi kepada kita semua. Kerajaan sentiasa komited memastikan setiap OKU mendapat peluang yang menyeluruh melalui pendidikan inklusif, pembangunan kemahiran, peluang pekerjaan, kemudahan awam yang mesra OKU, kehidupan komuniti yang menyokong serta perlindungan undang-undang yang jelas.

8. Namun, kita perlu mengakui masih ada cabaran yang perlu diatasi. Stereotaip dan stigma masyarakat masih mengekang potensi ramai OKU untuk maju. Di luar bandar, jurang akses fizikal dan digital masih nyata. Ketidalcukupan data juga menjejaskan perancangan dasar yang tepat, sementara kesedaran masyarakat mengenai hak OKU masih belum menyeluruh. Kesemua ini menuntut usaha yang lebih tersusun dan berterusan.

PERKEMBANGAN SEMASA: DASAR, PENYERTAAN & KEUTAMAAN NEGARA

9. Kerajaan melalui KPWK M terus mengarusperdanakan agenda OKU melalui pelbagai pelan dan kerjasama strategik. Semakan Pelan Tindakan OKU Negara sedang diperkukuh agar ia selari dengan Akta OKU 2008 serta prinsip CRPD. Pembangunan Pangkalan Data Bersepadu OKU (MyOKU) pula memastikan pendaftaran, intervensi dan bantuan dilaksanakan dengan lebih tepat dan responsif.

10. Usaha memperluas pendidikan inklusif, memperkuat program TVET OKU dan memantapkan kolaborasi dengan sektor swasta terus dipergiat. Dalam masa yang sama, akses kepada bangunan, laluan pejalan kaki dan pengangkutan awam sedang dipertingkatkan melalui kerjasama erat antara KPWK, KKR, MOT, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi lain.

Hadirin yang saya hormati,

DARI SIMPATI KEPADA PEMERKASAAN

11. Komitmen Kerajaan jelas menunjukkan bahawa Malaysia sedang bergerak daripada pendekatan berbentuk belas kasihan kepada pendekatan berasaskan hak dan pemerkasaan. Kita tidak lagi melihat warga OKU sebagai golongan yang hanya perlu dibantu, tetapi sebagai warganegara yang mampu memberi nilai, berkarya dan memimpin apabila diberi ruang dan sokongan yang sewajarnya.

12. Pendekatan ini menuntut perubahan cara kita berfikir — daripada kasihan kepada menghormati, daripada sekadar memberi kepada memperkasa, dan daripada bantuan kepada pengiktirafan hak.
13. Dalam usaha memperkukuh sokongan kepada OKU, pelbagai langkah besar telah dilaksanakan. AGROBANK, sebagai contoh, telah memperkenalkan produk takaful Agro Nurani, iaitu pelan perlindungan yang direka khusus untuk memenuhi keperluan komuniti OKU.

14. Saya menzahirkan penghargaan kepada **YBhg. Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Husin, CEO AGROBANK** atas kepimpinan yang progresif dan berempati terhadap isu-isu komuniti OKU.

15. Dalam aspek pekerjaan, KPWK M terus menyokong dasar yang digariskan oleh JPA dan KESUMA bagi memperkukuh penyertaan OKU dalam sektor awam dan swasta. Melalui JKM, latihan Disability Equality Training (DET) dan sokongan Program Perkhidmatan Job Coach (PPJC) diteruskan untuk membantu OKU mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dan mampan.

16. Garis Panduan Kerjaya Inklusif OKU Sektor Awam (KISA) juga kini dalam peringkat akhir penyediaan. Garis panduan ini merupakan instrumen penting untuk melengkapkan Dasar Pengambilan dan Pengurusan Inklusif OKU serta menyokong usaha mencapai sasaran sekurang-kurangnya satu peratus penyertaan OKU dalam perkhidmatan awam.

17. Untuk keluarga yang mempunyai anak Autisme, KPWKM sedang menubuhkan Pusat Perkhidmatan Autisme (PPA) sebagai pusat sehati bagi menyediakan perkhidmatan saringan, intervensi awal, terapi, sokongan keluarga dan maklumat yang sahih. PPA merupakan inisiatif strategik di bawah JKM yang dilaksanakan melalui kerjasama bersama NGO agar lebih ramai keluarga mendapat akses kepada sokongan yang diperlukan.

PEMBENTANGAN BELANJAWAN 2026

18. Keprihatinan Kerajaan MADANI terhadap komuniti OKU terserlah dengan jelas dalam Belanjawan 2026. Pelbagai inisiatif telah diumumkan untuk memperkukuh sokongan, termasuk peluasan Pusat Perkhidmatan Autisme (PPA) dengan peruntukan **RM12 juta** bagi membuka pusat baharu di Labuan, Sabah dan Sarawak supaya lebih ramai keluarga mendapat akses yang inklusif dan berkualiti.

19. Dalam memastikan kebajikan OKU terpelihara, kerajaan juga memperuntukkan **RM1.4 bilion** bagi bantuan seperti Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik, Bantuan OKU Tidak Berupaya Kerja dan Elaun Pekerja OKU. Ini adalah komitmen besar untuk memastikan golongan OKU yang bekerja, menjaga keluarga atau berada dalam keadaan kesihatan yang mencabar terus menerima sokongan sewajarnya.

20. Untuk memudahkan pergerakan harian OKU, Prasarana akan menyediakan **100 buah van mobiliti khas** yang direka untuk memenuhi keperluan mobiliti OKU di kawasan bandar dan luar bandar. Pada masa yang sama, NGO yang menguruskan institusi OKU turut menerima **RM20 juta** dalam bentuk geran bagi memastikan perkhidmatan mereka terus berdaya tahan dan berkualiti.

21. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) diteruskan dan diperkukuh dengan peruntukan **RM146 juta**, hasil kerjasama JKM, NGO dan Kerajaan Negeri. Selain itu, bantuan kebajikan JKM untuk lebih **560,000 isi rumah** bernilai **RM3.1 bilion** turut merangkumi bantuan penting kepada keluarga OKU, termasuk Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar.

22. Kerajaan juga menyediakan **RM22.9 juta** khusus untuk menyokong keluarga dan anak-anak autisme. Ini termasuk **RM15 juta** bagi subsidi yuran pembelajaran untuk meringankan beban ibu bapa, **RM3 juta** bagi mengoperasikan Pusat Perkhidmatan Autisme (PPA), serta dana tambahan untuk wang saku institusi — **RM0.6 juta** bagi institusi kurang upaya dan **RM4.3 juta** bagi institusi kanak-kanak.

Hadirin yang saya hormati,

SERUAN DAN HARAPAN

23. Dikesempatan ini, saya ingin menyeru kepada semua — termasuk diri saya sendiri — supaya terus melihat keupayaan seseorang dan bukan kekurangannya. Berikan sokongan dan peluang yang sewajarnya, bukan sekadar simpati. Jadilah rakan, mentor dan pemimpin yang benar-benar inklusif serta sebarkan mesej empati, penghargaan dan kesaksamaan kepada seluruh masyarakat.

PENUTUP

24. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada semua yang hadir pada malam ini. Komitmen kerajaan dalam memperkasa komuniti OKU tidak akan berhasil tanpa sokongan daripada masyarakat, NGO, komuniti setempat dan semua rakan strategik. Dengan semangat kerjasama, Malaysia mampu menjadi sebuah negara yang benar-benar inklusif, di mana setiap individu dihargai dan disantuni.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya merasmikan **Majlis Sambutan Hari OKU 2025**. Semoga majlis ini memberi inspirasi kepada kita semua untuk terus berusaha membina masyarakat inklusif, adil, dan sejahtera.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

3 DISEMBER 2025